

Headline **Pameran dan lelongan barangan antik 25 Oktober ini**  
Date **14. Oct 2008** Language **MALAY**  
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **27**  
Section **Dlm Negeri** Article Size **68** cm2  
Circulation **238082** Frequency **Daily**  
Readership **833287** Color **Full Color**  
AdValue **2113.75**



## Pameran dan lelongan barangan antik 25 Oktober ini

**KUALA LUMPUR** Jabatan Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menganjurkan pameran dan lelongan amal barangan antik terbesar pada 25 dan 26 Oktober ini di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.

Ketua Unit Media, Penerbitan dan Publisiti UPM, Khairul Anuar Muhamad memberitahu, pelbagai jenis barangan antik yang berusia ratusan tahun yang dipamerkan pada acara tersebut.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, beliau berkata, koleksi-koleksi barangan antik yang unik itu tidak terdapat di muzium kerana ia merupakan simpanan persendirian pengumpul barang antik.

"Antara barang antik yang akan dipamerkan buat pertama kalinya ialah naskhah al-Quran beriluminasi tertua di Asia Tenggara yang telah disahkan oleh Perpustakaan British dan Perpustakaan Negara.

"Al-Quran itu ditulis tangan pada tahun 1088 Hijrah," katanya dalam kenyataan itu.

Beliau berkata, acara itu dijangka dirasmikan oleh Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina Othman Said.